

## SOALAN LAZIM

### KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM KAMPUS

**Q.** Apakah prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang perlu diikuti pelajar sebelum memasuki ruang kampus?

**A.** i. Setiap pelajar yang memasuki kampus perlu mendaftarkan diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan dan gejala di pos kawalan keselamatan.  
ii. Jika terdapat pelajar yang suhunya melebihi 37.5 °C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas semasa disaring di pos kawalan keselamatan tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus dan dinasihatkan untuk mendapat rawatan lanjut di klinik/hospital kerajaan terdekat dengan bantuan Pegawai bertugas/ Pegawai hal ehwal pelajar/Warden

**Q.** Apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu diikuti pelajar semasa berada dalam kampus?

**A.** i. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah diwajibkan pada setiap masa  
ii. Penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang – kurangnya 1 meter bagi setiap aktiviti termasuk apabila keluar/masuk bilik kuliah/dewan kuliah/makmal/perpustakaan  
iii. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan fasiliti yang bertanda “X” untuk tujuan penjarakan sosial  
iv. Pelajar perlu membersihkan tangan menggunakan sabun atau hand sanitizer sebelum dan selepas memasuki bilik kuliah/dewan kuliah/makmal/perpustakaan/tandas  
v. Pelajar tidak digalakan untuk berkongsi sebarang peralatan atau alat tulis sepanjang di kampus

**Q.** Adakah pelajar WAJIB memakai pelitup muka (*face mask*) semasa berada di dalam kampus?

**A.** Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah diwajibkan pada setiap masa

**Q.** Siapakah yang boleh dihubungi pelajar jika menghadapi sebarang kecemasan semasa berada di dalam kampus?

**A.** Pelajar boleh menghubungi Penasihat akademik / Pegawai Hal Ehwal Pelajar / Warden jika terdapat sebarang kecemasan (Talian Utama PBU 04-8689000)

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 187) pada Waktu Pejabat.